

27/04/1997

Myanmar gesa jiran ketepi AS

BANGKOK: Myanmar semalam meminta jirannya dalam Asean mengetepikan tekanan oleh Amerika Syarikat yang bertujuan menyekat negara itu daripada menganggotai pertubuhan serantau itu tahun ini.

"Asean perlu teguh dalam pendiriannya bagi membuktikan ia bebas daripada menuruti perintah pihak lain," seorang pegawai kerajaan Myanmar memberitahu dalam satu wawancara telefon dari Yangon.

"Secara amnya, kami percaya jika Asean beralah kali ini, Asean akan sentiasa beralah."

Beliau mengulas kenyataan jurucakap Jabatan Negara Amerika Syarikat, Nicholas Burns, di Washington kelmarin, bahawa kuasa besar itu sedang melobi anggota Asean supaya tidak menerima keanggotaan Myanmar dalam pertubuhan serantau tujuh negara itu tahun ini.

"Kami berharap Asean tidak mengambil langkah ini (menerima keanggotaan Myanmar)," kata Burns.

"Kami sedang menggunakan pengaruh kami dengan anggota Asean bagi menegaskan bahawa Myanmar diberikan amaran bahawa ia tidak dialu-alukan (menganggotai Asean)."

Bagaimanapun, usaha Amerika mengumpulkan sokongan negara Asean terhadap Myanmar tidak menunjukkan kemajuan.

Asean menentang campur tangan asing terhadap politik dalaman negara jiran dan anggotanya menegaskan `rundingan membina' akan mendatangkan hasil lebih baik berbanding sekatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika ini pengerusi Asean, Rabu lalu berkata sekatan terbaru Amerika Syarikat tidak akan melengahkan penyertaan Myanmar dalam Asean.

Asean membuat keputusan bahawa Myanmar, Kemboja dan Laos akan menyertai pertubuhan itu serentak tetapi tarikhnya belum diumumkan.

Isu ini dijangka dibincangkan dalam satu mesyuarat menteri luar Asean di Kuala Lumpur pada 31 Mei ini.

Pegawai Myanmar itu berkata beliau tidak terkejut dengan tindakan Amerika melobi anggota Asean - Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

"Saya tahu sudah pasti mereka cuba meningkatkan tekanan (ke atas Myanmar)," kata pegawai itu.

"Kami sudah katakan mereka akan mengenakan tekanan demi tekanan ke atas Myanmar.

"Negara Asean sudah tahu muslihat yang digunakan Amerika Syarikat. Mereka sedar bahawa Amerika bukan mahu melaksanakan demokrasi di sini, tetapi ia hanya hipokrasi," katanya.

Kuasa Usaha Amerika Syarikat di Myanmar, Kent Wiedemann, dalam satu wawancara Khamis lalu berkata Washington `rasa janggal' untuk berhubung dengan Asean dengan Myanmar sebagai anggotanya. - Agensi

(END)